

NO SOALAN :15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK LINDA TSEN THAU LIN
(BATU SAPI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.06.2015

Y.B. DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan perlaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan serta masalah-masalah dan penyelesaian ke atas masalah-masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Secara umumnya, GST telah berjaya dilancarkan dengan baik pada 1 April

2015. Walaupun isu-isu berkaitan dasar dan perundangan GST telah selesai, masih terdapat isu-isu berkaitan operasi yang timbul, antara isu-isu berkaitan kenaikan harga barang, pengeluaran invois yang tidak menepati kriteria yang ditetapkan, kesalahan klasifikasi barang dan pengesahan layanan GST ke atas pembekalan. Bagi mengatasi sebarang isu dan kekeliruan yang timbul, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah mengadakan sidang media pada setiap hari di minggu pertama GST mula dilaksanakan dan sidang media tersebut masih terus dijalankan sehingga kini. Bagi memastikan supaya peniaga meningkatkan lagi pematuhan ke atas pelaksanaan GST, JKDM bersama KPDKKK telah menjalankan OPS BERSEPADU JKDM-KPDNKK dan telah melawat 8,299 buah premis bermula 1 April hingga 15 April 2015. JKDM juga telah mengeluarkan 214 tawaran kompaun bagi kes lewat daftar GST dibawah seksyen 184, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Dalam masa yang sama, pihak KPDKKK juga telah menjalankan 256,886 pemeriksaan ke atas semua jenis premis perniagaan dan sebanyak 702 kertas siasatan telah dibuka bagi kesalahan yang dilakukan dibawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan.

Untuk makluman Yang Berhormat, JKDM melalui Jabatan Peguam Negara telah membuka 13 kertas siasatan di mana 2 dalam proses pendakwaan di bawah seksyen 33(2)(b) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan 11 lagi dalam proses siasatan. Selain itu, KPDNKK turut mengeluarkan tiga dakwaan terhadap peniaga yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan HArga dan Anti Pencatutan 2011. Sehingga 14 Mei 2015, dua syarikat telah disabitkan kesalahan di Mahkamah Sesyen di bawah Seksyen 14(1), Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dengan jumlah denda sebanyak RM140,000.

JKDM akan terus melaksanakan operasi mengesan kesalahan yang dilakukan oleh peniaga supaya peniaga membuat semua dokumentasi dan rekod berhubung transaksi perniagaan termasuklah resit pembelian dan penjualan dengan tepat untuk mengelakkan sebarang kesilapan dan kes penipuan terhadap pengguna.

Selain itu, JKDM juga telah menubuhkan *GST Helpdesk* di seluruh negara dan *GST Call Center* bagi membantu dan membimbing peniaga dalam

menguruskan sistem GST serta menguruskan aduan pengguna berkaitan sebarang kesalahan peniaga di bawah Akta GST. JKDM turut menjalankan Operasi *MYSTERY Shopping* untuk memastikan peniaga mematuhi perundangan Akta GST 2014 dan seterusnya mengambil tindakan ke atas ketidakpatuhan (non-compliance) dibawah GST. Di samping itu, KPDNKK juga turut menubuhkan talian Pusat Gerakan Anti Pencatutan (PGAP) bagi menerima aduan pengguna dan menyelaras tindakan penguatkuasaan antipencatutan di seluruh negara bagi membanteras pengambilan keuntungan berlebihan.